

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : 23 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 95

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif bagi mengurangkan kos pengangkutan awam darat kepada pengguna terutamanya pada musim cuti panjang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Bagi meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya golongan B40, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mengurangkan kos perbelanjaan pengguna pengangkutan awam yang boleh dinikmati sepanjang masa termasuklah pada musim cuti panjang. Antaranya adalah promosi penjimatan tambang perjalanan seperti Pas Tanpa Had Perjalanan dan diskaun tambang.
2. Melalui pelaksanaan Pas Bulanan Tanpa Had Perjalanan, Kerajaan melalui syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) telah melancarkan Kad MY100 dan MY50 pada 1 Disember 2018 sebagai salah satu cara mengurangkan kos sara hidup terutamanya bagi pengguna pengangkutan awam rel dan bas bandar di bawah kendalian RapidKL.
3. Selain perkhidmatan rel dan bas di bawah Prasarana, Kerajaan turut memperkenalkan diskaun tambang perjalanan kepada perkhidmatan rel KTM Komuter di bawah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) melalui promosi Kad XTRA20 bermula 1 April 2019. Dengan melanggan Kad XTRA20, pengguna KTM Komuter di Sektor Lembah Klang, Selatan dan Utara mampu menikmati diskaun tambang setiap perjalanan sebanyak 20 peratus.
4. Bagi perkhidmatan bas ekspres, Kerajaan secara lazimnya mengeluarkan tambahan Lesen Perubahan Sementara (LPS) bagi meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas ekspres terutamanya

NO. SOALAN: 95

pada musim cuti perayaan dan cuti panjang agar perkhidmatan pengangkutan awam dengan kadar tambang berpatutan terus dapat disediakan kepada rakyat. Bagi cuti perayaan Aidilfitri pada tahun ini, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah membuka permohonan bagi LPS pada 22 April hingga 24 Mei 2019 bagi tempoh sah laku LPS bermula 31 Mei hingga 9 Jun 2019. Dari segi kadar tambang untuk permohonan LPS, Kerajaan telah menetapkan pengendali bas ekspres dan pengendali bas ekspres tambahan boleh mengenakan tambahan RM 0.009 setiap kilometer ke atas tambang sedia ada, menjadikan kadar khas sebanyak 10.2 sen (RM0.102) bagi setiap kilometer sepanjang tempoh sah laku LPS tersebut. Ini adalah agar pengendali tidak mengenakan tambang sesuka hati melebihi kadar yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.